

Sistem estet tingkatkan hasil: PM

BH 15 SEP 1987

BUTTERWORTH, Isnin — Matlamat kerajaan meningkatkan pengeluaran pertanian tidak akan tercapai selagi amalan tradisional mengusahakan ladang dan sawah secara kecil-kecilan tidak ditukar kepada sistem moden menggunakan pengurusan bersepadu, kata Datuk Seri **Dr Mahathir Mohamad**.

Menurut Perdana Menteri, sistem estet yang luas dan pengurusan bersepadu bagi penanaman getah, kelapa sawit dan koko terbukti dapat memberi hasil dan pendapatan yang lebih baik.

"Tetapi selagi ladang dan sawah masih diusahakan secara kecil-kecilan dan tanpa pengurusan yang cekap, hasil pengeluaran tidak dapat ditingkatkan," katanya ketika merasmikan bangunan pejabat Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) di Bandar Seberang Jaya di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri Dr Lim Chong Eu, Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Pendidikan Encik Anwar Ibrahim dan Ahli-Ahli Exco Negeri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan sedar di negara ini tanah dibahagikan kepada pe-

Oleh **AHMAD
PUAD ONAH**

tak-petak kecil yang tidak ekonomik dan tidak memberi pulangan memuaskan kerana diuruskan secara tidak teratur.

Menurutnya, pengurusan penting bagi menayakan sesuatu kegiatan dalam segala bidang, sama ada politik, ekonomi atau sosial.

"Kalau tidak ada pengurusan yang cekap, segala kerja tidak dapat dilakukan dengan baik dan mencapai hasil yang memuaskan," katanya.

Kursus

Di bidang pertanian, beliau berkata kerajaan memperkenalkan kursus pengurusan estet di pusat pengajian tinggi tempatan untuk melahirkan pengurus-pengurus yang cekap dan terlatih.

Bagi menggunakan khidmat kepakaran itu, ladang, estet dan sawah perlu dicantumkan supaya dapat diurus dengan sempurna dan memberi hasil yang lebih tinggi, katanya.

Perdana Menteri kesal masih belum ada estet padi yang besar di negara ini, selain usaha mewujudkan ladang menggunakan penguru-

san bersepadu bagi beberapa tanaman seperti getah dan kelapa sawit.

Beliau meminta petani menyertai rancangan kerajaan untuk menyatukan tanah bendang menggunakan pengurusan bersepadu, tanpa merampas hakmiliknya daripada rakyat, bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi.

"Selain meminta bantuan dan subsidi, rakyat harus sanggup menerima sistem pertanian moden bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka," katanya.

Beliau juga memberi contoh usaha sebuah negara yang melaksanakan penanaman limau bali secara estet yang besar, hingga dapat mengekspor hasilnya ke negara-negara Eropah dan mencapai keuntungan lumayan.

"Sebaliknya, di negara ini, tanaman limau bali hanya dijalankan cara kecil-kecilan dan hasilnya untuk pasaran tempatan sahaja," katanya.

IADP Pulau Pinang ditubuhkan dengan matlamat memperbaiki sistem pengairan dan kemudahan di kawasan-kawasan projek dalam usaha meningkatkan produktiviti dan pendapatan ladang bagi lebih 51,000 keluarga tani.